



TERMA DAN SYARAT BANTUAN PERSEDIAAN YAYASAN TERENGGANU (BPLYT)

1. OBJEKTIF

Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu menyediakan **Bantuan Persediaan Yayasan Terengganu (BPLYT)** bagi pelajar anak Terengganu yang layak & memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan (rujuk terma dan syarat permohonan di bawah).

BPLYT ini merupakan salah satu **inisiatif Kerajaan Negeri Terengganu** yang bertujuan untuk **menggalakkan anak tempatan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi** serta **meringankan bebanan kewangan** di dalam aspek pendidikan.

2. KADAR BANTUAN

BIL.	KATEGORI BPLYT	JENIS/PERINGKAT PENGAJIAN	JUMLAH (RM)
1	Sekolah Menengah	Sekolah Berasrama Penuh (SBP)/Integrasi (SBPI)	500.00
2		Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)	
3		Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu (SMIYT)	
4		Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI)	
5		* Sekolah-sekolah Terpilih Kerajaan Negeri	
6	Pra Universiti	Pra Diploma (UiTM sahaja)	500.00
7		A Level	
8		Asasi	
9		Matrikulasi	
10		STAM / STPM (Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin & SMIYT Kemaman sahaja)	
11	Universiti (IPTA/IPTS)	Sijil (Pengajian 1 tahun ke atas sahaja)	500.00
12		Diploma	750.00
13		Ijazah Sarjana Muda (ISM)	1,000.00
14		Ijazah Sarjana (Masters)	
15		Ijazah Kedoktoran (PhD)	

**** Tambahan RM 300.00 bagi pengajian di Sabah & Sarawak sahaja**

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

a. SYARAT UMUM

- i. Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Terengganu.
- ii. Pemohon dan ibu atau bapa **bukan rakyat Terengganu** tetapi **bermastautin selama 10 tahun ke atas** boleh memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau Surat Akuan Mastautin.
- iii. Ibu / bapa / penjaga dan / atau pemohon **mestilah mendaftar sebagai pemilih / pengundi** di Negeri Terengganu.
- iv. Bagi kes taraf kerakyatan dan daftar pemilih yang **meragukan, sejarah persekolahan pemohon** akan diambil kira dalam menentukan pertimbangan.

b. SYARAT PUSAT & PROGRAM PENGAJIAN

- i. Pusat Pengajian yang ditawarkan **mestilah diiktiraf oleh Kerajaan / diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Swasta (JPS) dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)** - Link Semakan Pengiktirafan Pusat Pengajian - <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>
- ii. Institusi & program pengajian **di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) adalah tidak layak** memohon - Link Semakan Pengiktirafan Sijil JPK <https://www.myspike.my/index.php?r=umum-pb/index-umum&page=1>
- iii. Kursus pengajian **sempurnya masa sahaja** & pemohon **tidak bekerja**.
- iv. Permohonan adalah **sekali sahaja** bagi **setiap peringkat pengajian (termasuk pengajian yang dinaiktaraf)**.
- v. **Pengajian tambahan** seperti Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah (DPLI) dan seumpamanya adalah **tidak layak memohon**.
- vi. Program / Sijil / Kursus yang **kurang dari satu (1) tahun tidak layak memohon**.
- vii. **BPYT Kategori Sekolah Menengah** hanya diberi **sekali sahaja** sepanjang tempoh persekolahan.

c. SYARAT-SYARAT LAIN

- i. Syarat **umur** bagi permohonan mengikut peringkat pengajian :-
 1. Sijil / Pra Diploma / Diploma / Ijazah / Sarjana - 25 tahun ke bawah.
 2. Ijazah Kedoktoran (PhD) - 30 tahun ke bawah.

(Syarat umur ini dikira mengikut tahun kelahiran)
- ii. **Permohonan dibuka selama 3 bulan (1 bulan sebelum dan 2 bulan selepas tarikh pendaftaran rasmi** (rujuk surat tawaran) ke pusat pengajian. Permohonan di luar tempoh ini tidak akan diterima.
 1. Contoh **pengiraan tempoh sah permohonan**:
 - a. Tarikh mendaftar : 1 Februari 2026
 - b. Tarikh permohonan mula dibuka : 1 Januari 2026
 - c. Tarikh akhir permohonan : 31 Mac 2026

- iii. Semua dokumen **hanya perlu dimuat naik** ke dalam sistem permohonan sahaja. **Tidak perlu hantar salinan fizikal dokumen** ke ibu pejabat Yayasan Terengganu.
- iv. Sila pastikan dokumen yang dimuat naik adalah lengkap / jelas. Permohonan yang **tidak lengkap / dokumen tidak boleh dibaca / kabur / tidak jelas dan seumpamanya tidak akan diproses / ditolak**.
- v. Pemohon diberi masa selama **1 bulan untuk mengemaskini dokumen yang tidak lengkap** (Tempoh 1 bulan dikira selepas permohonan dikembalikan untuk dikemaskini). Permohonan akan ditolak jika pemohon tidak mengemaskini dokumen dalam waktu yang ditetapkan.
- vi. Permohonan yang dikembalikan (status Tidak Lengkap) hanya boleh dikemaskini sekali sahaja.
- vii. Pastikan **saiz fail tidak melebihi 2MB/dokumen dan di dalam format jpg/jpeg sahaja**. (Dilarang memuat naik dokumen dalam format ZIP).
- viii. Sila pastikan **nombor akaun bank (bukan nombor kad ATM) yang didaftarkan adalah nombor akaun pemohon (pelajar)**, bukan ibu / bapa / penjaga. Pelajar mestilah membuka akaun di atas nama sendiri terlebih dahulu jika masih belum mempunyai akaun bank (mana-mana bank adalah diterima **kecuali ASB, Tabung Haji & MBSB**).
- ix. Bagi Pemohon Kategori Sekolah Menengah yang berumur 13 tahun ke atas, sila buka Akaun Individu, bukan Akaun Bersama (mana-mana bank diterima).
- x. Sila pastikan akaun yang didaftarkan adalah **berstatus aktif (pembayaran akan ditolak** oleh pihak bank jika akaun yang didaftarkan **tidak aktif/dorman**).
- xi. Pengesahan dokumen boleh dibuat oleh semua Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional, Pengerusi JPKK, Penghulu.
- xii. Dapatkan surat pengesahan bermastautin / bermukim (jika berkenaan) daripada Pengerusi JPKK, Penghulu atau Ketua Kampung.

4. DOKUMEN YANG PERLU DIMUAT NAIK

a. Lampiran Wajib

- i. Salinan Surat Beranak Pemohon yang disahkan
- ii. Salinan Kad Pengenalan Pemohon yang disahkan
- iii. Salinan Kad Pengenalan Ibu/Penjaga yang disahkan
- iv. Salinan Kad Pengenalan Bapa/Penjaga yang disahkan
- v. Salinan Daftar Pemilih Ibu/Penjaga yang disahkan (Link semakan : <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/daftarPemilih>)
- vi. Salinan Daftar Pemilih Bapa/Penjaga yang disahkan (Link semakan : <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/daftarPemilih>)
- vii. Salinan Surat Tawaran Kemasukan yang disahkan
- viii. Salinan Muka Depan Akaun Bank Pemohon yang disahkan
- ix. Surat Mastautin / Surat Akaun Kerakyatan yang disahkan (Jika perlu)

b. Lampiran Tambahan Berdasarkan Kategori BPYT

i. Kategori Pra Universiti

1. Salinan Keputusan SPM yang disahkan

ii. Kategori Universiti (IPTA/IPTS)

1. Salinan Keputusan SPM yang disahkan
2. Bagi tawaran Luar Negara, sertakan Salinan Surat Penajaan ATAU Tiket Penerbangan yang disahkan (Jika perlu)

- c. Bagi pemohon **IPTS**, **WAJIB sertakan salinan Resit Bayaran RM200** ke atas **ATAU Surat Pengesahan Pendaftaran** daripada Pusat Pengajian jika resit bayaran adalah kurang daripada RM200.

5. KAEDAH PERMOHONAN

- a. Permohonan **hanya dibuka secara dalam talian (on-line) sahaja** di laman web rasmi Yayasan Terengganu.
- b. **Status permohonan boleh disemak di pautan yang sama sepanjang 6 bulan** daripada tarikh permohonan dibuat.
- c. Sila mohon / kemaskini permohonan menggunakan komputer riba / desktop **(JANGAN GUNA TELEFON PINTAR)**.

6. KAEDAH BAYARAN

- a. Pembayaran akan dilakukan melalui ***Electronic Funds Transfer (EFT)* SAHAJA** terus ke akaun pemohon (pelajar). **Tiada pembayaran tunai** dilakukan.
- b. **Pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun pemohon (pelajar) dalam semester pertama pengajian** (maksimum sehingga 6 bulan daripada tarikh kelulusan).
- c. Pemohon **diingatkan untuk sentiasa peka dengan emel daripada Yayasan Terengganu sepanjang tempoh permohonan sehingga ke pembayaran** untuk mengelakkan sebarang masalah komunikasi.

7. PENTING

- Permohonan yang **tidak lengkap / kenyataan palsu, dokumen yang dimuat naik tidak disahkan terlebih dahulu** dan tidak memuat naik dokumen mengikut peringkat pengajian akan menyebabkan permohonan anda **ditolak**.
- Sebarang pertanyaan atau aduan boleh emelkan ke : **tajaan@yt.gov.my**

UNIT BANTUAN PERSEDIAAN YAYASAN TERENGGANU

BAHAGIAN PENAJAAN

YAYASAN TERENGGANU

JANUARI 2026